

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan Kementerian telah merancang untuk membina sejumlah lima (5) tapak menara telekomunikasi baharu di Kawasan Parlimen Labis untuk meningkatkan liputan 4G. Bagi Kawasan Parlimen Labis, bilakah kerja pembinaan menara akan bermula dan disiap bina dan bila infrastruktur jalur lebar gentian optik akan di laksanakan dan bila perkhidmatan jalur lebar satelit akan diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk menangani isu akses kepada Internet berkualiti bagi perkhidmatan tetap dan mudah alih.

Antara inisiatif untuk menambahbaik infrastruktur digital di Johor dan Parlimen Labis melalui JENDELA di bawah Fasa 1 setakat 31 Oktober 2021 adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
Parlimen/ Negeri						
Labis	5	0	43	28	5,674	774

Melalui perancangan JENDELA, sambungan gentian optik ke premis di Parlimen Labis telah bermula sejak September 2020 yang melibatkan sebanyak 5,674 premis. Setakat Oktober 2021, sebanyak 774 premis telah siap dilaksanakan dan dijangka akan siap berperingkat menjelang penghujung tahun 2022.

Bagi perancangan lima (5) menara baharu dibawah Jendela Fasa 1 di Labis, SKMM telah memulakan proses Perlantikan Pemberi Perkhidmatan Sejangat bagi program JENDELA kepada pemegang-pemegang lesen yang berkenaan pada 27 Oktober 2021. Manakala, pembinaan menara dijangka akan siap secara berperingkat bermula pada penghujung 2022.

Manakala peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Johor adalah 98.00% pada suku ketiga 2021. Manakala bagi Parlimen Labis pula, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk telah meningkat kepada 90.86% pada suku ketiga 2021 berbanding 79.26% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Usaha penambahbaikan

rangkaian sedang diteruskan untuk memberikan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna.

Kawasan perkampungan Orang Asli serta pedalaman di Sabah dan Sarawak turut diberi keutamaan melalui penyediaan perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit. Bagi tujuan ini, sebanyak 839 lokasi di seluruh negara telah dikenalpasti bagi memastikan ianya dapat memberikan liputan jalur lebar di kawasan-kawasan yang sukar diakses dengan teknologi gentian optik dan mudah alih. Projek ini memberikan capaian internet di 11 buah Kampung Orang Asli (KOA) yang telah dikenalpasti di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4 lokasi sedang dilaksanakan di bawah Parlimen Labis dan dijangkakan siap sepenuhnya pada awal tahun 2022.

Secara umumnya pelaksanaan kesemua inisiatif JENDELA ini telah bermula sejak bulan September 2020 dan inisiatif yang dalam perancangan akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2022. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi satelit kini dalam proses pelaksanaan dan dijangka akan siap secara berperingkat bermula November 2021 sehingga awal tahun 2022.